

Ruj. Kami : ST(IP/JKE)KE/11/10 (10)
Tarikh : 01 Mac 2020

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2
62100 Putrajaya, Malaysia
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)



SEMUA
Pengilang & Pengimport
Kelengkapan Elektrik

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN: TARIKH PERLAKSANAAN PENGEMASKINIAN *MINIMUM ENERGY PERFORMANCE STANDARDS (MEPS)* BAGI KELENGKAPAN KETUHAR GELOMBANG MIKRO (*MICROWAVE OVEN*)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa tarikh pelaksanaan keperluan memenuhi *Minimum Energy Performance Standards (MEPS)* bagi kelengkapan *Microwave Oven* akan berkuatkuasa setahun daripada tarikh surat ini dikeluarkan.

3. Mulai dari tarikh penguatkuasaan tersebut, permohonan Perakuan Kelulusan (COA) samada baru atau pembaharuan untuk mengilang, mengimport, menjual, mempamer atau mengiklan kelengkapan *Microwave Oven* hendaklah mengemukakan laporan ujian prestasi penggunaan tenaga mengikut standard pengujian yang telah ditetapkan di dalam panduan yang telah dikeluarkan oleh ST seperti butiran berikut:-

KELENGKAPAN	DOKUMEN	TARIKH DIKELUARKAN
<i>Microwave Oven</i>	<i>Guide on Minimum Energy Performance Standard Requirements for Microwave Oven</i>	1 Mac 2020

4. Panduan di atas boleh dimuat turun dari laman sesawang ST di alamat <https://www.st.gov.my/web/download/listing/150>.

5. Sehubungan dengan itu, diharapkan agar pihak tuan mengambil tindakan sewajarnya bagi tujuan permohonan COA untuk mengilang, mengimport, menjual, mempamer dan mengiklan kelengkapan *Microwave Oven*.

Sekian, terima kasih.



Ir. HJ. MD ZAKUAN BIN HJ. IBRAHIM

Pengarah

Jabatan Kawal Selia Keselamatan

Suruhanjaya Tenaga 

- S.k.:
1. Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Tenaga
 2. Pengarah
Jabatan Penguatkuasaan & Operasi Kawasan
Suruhanjaya Tenaga
 3. Pengarah
Jabatan Perancangan & Komunikasi Strategik
Suruhanjaya Tenaga
 4. Pengarah Urusan
SIRIM QAS International Sdn Bhd
1, Persiaran Dato' Menteri
Seksyen 2, 40000 Shah Alam, Selangor
 5. Head, Trade Facilitation
Dagang Net Technologies Sdn Bhd
Tower 3, Avenue 5
The Horizon, Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur